Bas UUM jatuh sungai

BH 6/9/05 7:1

Lima parah, 47 cedera ketika dalam perjalanan dari kampus ke Kolej Bukit Kachi

Oleh Munaarfah Abu Bakar

SINTOK: Lima pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) cedera parah manakala 47 rakan mereka cedera ringan apabila bas yang dinaiki terjunam ke dalam anak sungai ketika dalam perjalanan dari kampus universiti itu ke Kolej Bukit Kachi, petang semalam.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Asisten Superintendan Harison Othman, berkata kejadian jam 4.20 petang itu berlaku apabila seorang pelajar yang berdiri berhampiran pemandu bas terjatuh ke atas stereng ketika ia membelok satu selekoh di Jalan Bukit Kachi, menyebabkan pemandunya gagal mengawal kenderaan berkenaan.

Kejadian itu berlaku kira-kira dua kilometer dari pintu masuk utama UUM.

Katanya, bas UUM yang membawa 63 pelajar itu dikatakan dipandu laju menyebabkan kenderaan berkenaan terjunam ke sebuah anak sungai sedalam empat meter.

"Bas itu yang sepatutnya membawa 55 penumpang, termasuk 11 berdiri, dikatakan terbalik ke kiri dan bergolek dua kali sebelum terjunam ke dalam anak sungai.

"Semua pelajar di dalam bas merangkak keluar melalui tingkap kenderaan yang pecah bagi menyelamatkan diri," katanya ketika ditemui di Pusat Perubatan UUM di sini, semalam.

Lima pelajar yang cedera parah itu luka pada kepala serta patah tulang lengan dan tulang belakang serta dikejarkan ke Hospital Alor Star untuk rawatan, manakala yang cedera ringan diberi rawatan pesakit luar di Pusat Perubatan UUM.

Harison berkata, pihaknya sedang mengesan pemandu bas milik UUM itu kerana dipercayai memandu secara cuai, bagi membantu siasatan.

Sehingga jam 6 petang semalam, pemandu itu yang akan disiasat mengikut Sesyen 43 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, gagal dikesan.

Sementara itu, Pengarah Hal Ehwal Pelajar UUM, Mohd Zaini Nasri, ketika ditemui di pusat perubatan berkenaan berkata, pengurusan universiti akan menyiasat punca kejadian serta memaklumkannya kepada penjaga serta ibu bapa pelajar.

Beliau berkata, semua pelajar yang cedera serta mendapat rawatan di Pusat Perubatan UUM akan dihantar pulang ke asrama masing-masing.

"Empat kaunselor akan bertugas sepenuh masa bagi membantu pelajar yang masih trauma dan terkejut dengan kemalangan terbabit," katanya.

Seorang mangsa, Zuraidah Ismail, 23, dari Fakulti Pembangunan Sosial dan Sumber Manusia, berkata ketika kejadian, bas itu penuh sesak dan pelajar terpaksa berhimpit.

"Kemalangan itu berlaku sekelip mata. Apabila saya sedar, bas sudah terbalik dan terpaksa menyelamatkan diri dengan merangkak keluar melalui tingkap," katanya.



KECEMASAN: Petugas Pusat Perubatan UUM memberi rawatan kepada mangsa kemalangan semalam.

BH (06.09.2005) P: 7 (1)

Page 1 of 2.